Selamat Datang Ke Laman Portal
**Universiti Putra Malaysia**



(/) » BERITA (/BERITA) » UPM dan Niigata University, Jepun anjur IAC-ISFA 2018

Senarai Berita (/berita)

# UPM dan Niigata University, Jepun anjur IAC-ISFA 2018

Oleh Faiz Hamzah

Foto oleh Noor Azreen Awang



SERDANG, 13 Nov – Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Salahuddin Ayub merasmikan Joint Symposium of the $8^{th}$ International Agriculture Congress 2018 & $6^{th}$ International Symposium for Food & Agriculture 2018 (IAC-ISFA 2018). Ia dianjurkan Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Niigata University, Jepun dengan kerjasama Jabatan Pertanian Malaysia. Beliau berkata simposium itu melibatkan penyelidik, agensi kerajaan dan swasta dalam sektor makanan dan pertanian, khususnya Fakulti Pertanian Niigata University, Jepun dan Fakulti Pertanian UPM yang memfokuskan aplikasi dan teknologi pertanian bagi memasarkan pengeluaran makanan. "Saya percaya bahawa persidangan ini akan memberi manfaat kepada sektor pertanian dalam meneroka inovasi revolusi yang akan membentuk masa depan bidang pertanian yang memfokuskan kepada aplikasi serta pengembangan teknologi dalam pertanian bagi meningkatkan lagi pengeluaran pertanian," katanya.

Dato' Salahuddin berharap persidangan itu akan memberikan platform baik untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman di kalangan penyelidik, usahawan, pelabur, pembuat dasar, inovator dan pengamal sektor pertanian.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris berkata simposium yang bertemakan 'Shaping the Future through Agriculture Innovation' membolehkan peserta mendapatkan pengetahuan baru dan kemajuan penyelidikan dalam bidang pertanian.

"UPM menjalankan hubungan dua hala dalam penyelidikan, pertukaran staf dan pelajar serta membangunkan inovasi berkaitan pertanian di peringkat antarabangsa serta meningkatkan rangkaian dan reputasi di peringkat antarabangsa," katanya.

LIHAT JUGA




UPM dan Niigata University, Jepun anjur 2018 (/berita/upm_dan_niigata_university_jepu ac_isfa_2018-45979)



Model sistem DC konsep rumah pintar jim kos elektrik (/berita/model_sistem_dc_konsep_rumah_ matkan_kos_elektrik-45957)



UPM lancar buku 'Pembangunan Kontem Orang Asli' (/berita/upm_lancar_buku_pembangu temporari_orang_asli-45955)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1543217344

Turut hadir Dekan Fakulti Pertanian, Prof Dr. Abdul Shukor Juraimi dan Dekan Fakulti Pertanian Niigata Universiti Jepun Prof. Dr. Kuni Sueyoshi.





Sementara itu, dua produk inovasi oleh penyelidik UPM, Ketua Laboratori Sains dan Teknologi Perladangan, Institut Kajian Perladangan (IKP), Prof Madya Dr. Wong Mui Yun iaitu BlastBuster RS4 dan Timbalan Dekan (Siswazah, Penyelidikan dan Antarabangsa), Fakulti Pertanian UPM, Prof. Dr. Mohd Salleh Kamarudin produk The Mahseer Feed dilancarkan oleh Dato' Salahuddin pada majlis itu.

BlastBuster RS4 adalah mengenai inovasi teknologi hijau dalam menghasilkan formula anti-kulat bagi mencegah karah padi di samping bertindak sebagai ejen penyakit penggalak pertumbuhan, manakala The Mahseer Feed adalah mengenai alternatif makanan ikan yang dapat mempercepatkan kadar pertumbuhan ikan, mengurangkan kos dan meningkatkan keuntungan penternak. - UPM

Tarikh Input: 26/11/2018 | Kemaskini: 26/11/2018 | hairul_nizam



**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my



© 2018 Universiti Putra Malaysia

B1543217344